

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 7 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tahap pencapaian infrastruktur internet di Pulau Labuan pada masa ini dan adakah ianya mencukupi untuk Labuan yang bertaraf sebagai pusat kewangan antarabangsa dan hub logistik minyak dan gas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi untuk membolehkan rakyat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Bagi Pulau Labuan sehingga suku kedua 2020, sebanyak 13,825 premis telah diliputi dengan capaian rangkaian gentian optik. Manakala, kadar liputan jalur lebar mudah alih di kawasan berpenduduk untuk teknologi 4G berada pada tahap 97.40%. Sehingga kini, terdapat 112 struktur pemancar komunikasi yang telah beroperasi di Labuan.

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) telah dibangunkan secara kolektif oleh pihak pemain industri dan pihak Kerajaan bagi meningkatkan tahap kesalinghubungan dan kualiti pengalaman perkhidmatan komunikasi di seluruh negara yang akan memperluas liputan dan mempertingkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar melalui inisiatif-inisiatif yang telah dikenalpasti serta mempersiapkan negara ke arah teknologi 5G, termasuklah di Labuan.

Di bawah pelan JENDELA, sebanyak 5,281 premis akan disediakan akses kepada perkhidmatan berkelajuan Gigabit bagi meluaskan rangkaian gentian optik. Manakala untuk meluaskan liputan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar mudah alih, terdapat satu menara baharu akan dibina manakala sebanyak 32 alat pemancar komunikasi sedia ada akan dinaik taraf kepada teknologi 4G di Labuan.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan terus bekerjasama dengan pihak industri dan Perbadanan Labuan dalam mengenal pasti keperluan infrastruktur digital untuk menyokong Labuan sebagai pusat kewangan antarabangsa dan hub logistik minyak dan gas.